



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENJABARAN SEMIOTIK DALAM PUISI-PUISI  
SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

**MOHAMAD SHAIDAN**

**FBMK 2001 13**

**PENJABARAN SEMIOTIK DALAM PUISI-PUISI  
SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

**MOHAMAD SHAIDAN**

**MASTER SASTERA  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
2001**



**PENJABARAN SEMIOTIK DALAM PUISI-PUISI  
SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

**Oleh**

**MOHAMAD BIN SHAIDAN**

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan  
Ijazah Master Sastera Di Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia**

**Jun 2001**



## DEDIKASI

Al-Fatihah ... untuk ayah yang telah kembali menemui Allah S.W.T.

Bonda ... yang melahirkan dan memelihara dengan penuh kasih sayang.

Isteri ... yang sabar dan sentiasa memberi ruang untuk menyiapkan penulisan tesis ini.

Anak ... Asmar, Izatty, Irfan, Awatif, Aiman, Imran, dan Amsyar yang suatu hari nanti akan didewasakan oleh kehidupan.

Dan

Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang tidak jemu-jemu memberi rangsangan saranan, pandangan, dan bimbingan dalam menyiapkan tesis ini, ribuan terima kasih diucapkan. Moga Allah jua akan membalasnya nanti.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putera Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENJABARAN SEMIOTIK DALAM  
PUI-SI-PUI-SI SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

Oleh

**MOHAMAD BIN SH AidAN**

Jun 2001

**Pengerusi : Kamaruzzaman Abdul Kadir**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini merupakan penelitian terhadap 21 buah kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad melalui pendekatan semiotik yang dikemukakan oleh Charles Sanders Peirce. Semiotik atau ilmu tanda melihat sesuatu, termasuk bahasa sebagai sistem tanda dan manusia dalam kehidupannya dikelilingi oleh tanda dan berfikir dalam tanda.



Peirce dalam teori semiotiknya mengkategorikan tiga jenis tanda yang dinamakannya sebagai simbol, indeks, dan ikon. Setiap jenis tanda ini mempunyai ciri-cirinya yang menjadi syarat penting membezakan antara satu tanda dengan tanda yang lain. Berdasarkan tiga jenis tanda semiotik inilah puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad dikaji.

Kajian ini juga membuktikan bahawa puisi-puisi yang sukar difahami maknanya, dapat digali dan dihuraikan maknanya melalui pendekatan semiotik. Ini menunjukkan semiotik merupakan pendekatan yang sesuai dan tepat untuk diterapkan dalam karya-karya yang sukar difahami.

Hasil kajian pula menunjukkan puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad lebih banyak menggunakan tanda simbol daripada tanda indeks atau ikon. Banyaknya tanda simbol dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad menjadi satu daripada faktor puisi-puisinya sukar difahami. Hal ini demikian kerana tanda simbol lebih menuntut pemikiran daripada pembaca untuk memahami makna puisi-puisinya. Dengan memahami tanda simbol terlebih dahulu, baharulah makna puisi dapat difahami. Tanda indeks yang digunakan oleh Suhaimi pula berperanan memperkaya dan memperluas pandangan pembaca tentang hidup dan kehidupan ini. Tanda ikon yang digunakannya pula mempunyai daya estetik yang tinggi dan dapat menarik pembaca.

Abstract of thesis presented of the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

**THE APPLICATION OF SEMIOTICS IN THE POEMS OF SUHAIMI HAJI  
MUHAMMAD**

**By**

**MOHAMAD BIN SH Aidan**

**Jun 2001**

**Chairman : Kamaruzzaman Abdul Kadir**

**Faculty : Modern Languages and Communications**

This study examines 21 anthologies of poetry by Suhaimi Haji Muhammad using the semiotics approach proposed by Charles Sanders Pierce. Semiotics or the general science of signs, looks at language as a system of signs and human beings are surrounded by and think in signs.

In his theory of semiotics, Pierce has categorized three kinds of signs namely the index, the icon and the sign proper. Each type has its own distinguishing features which differentiates one from the other. The poems of Suhaimi Haji Muhammad are studied based on the three types of signs.



This study also proves that meanings of poems are much easier to interpret using this approach as compared to other approaches. This shows that semiotics is suitable and more applicable in defining poems with difficult meanings.

This study concludes that Suhaimi uses the sign proper more often than the index and the icon in his works. This is one of the reasons why his poems are difficult to understand as the sign proper requires higher competency. By understanding the sign proper first then only meaning could be decipher. Suhaimi also uses the index to enrich and widen the readers' worldview. His icons have high esthetical values and are very captivating.





## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. Syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia-Nya, tesis ini dapat disempurnakan.

Dalam tempoh waktu menyempurnakan tesis ini, Encik Kamaruzzaman Abdul Kadir (Dharmawijaya) bukan sahaja merangsang dan menyelia penulisan tesis, akan tetapi turut menghadiahi penulis buku-buku yang bersesuaian amat dengan pendekatan penulisan tesis ini. Dr. Ramli Isin dan Tuan Haji Abd. Rahim Marasidi selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan juga tidak kurang membantu penulis dalam penulisan tesis ini. Penulis merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada mereka. Kepada Dr. Samsina Abd. Rahman, Penasihat Akademi kepada penulis, juga diucapkan terima kasih.

Sdr. Abdul Ahmad, Tuan Haji Mohamad Yussop Ishak, dan Sdr. Hasni Abas - bukan sekadar rakan sekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka, akan tetapi menjadi teman sepenulisan tesis dan diakrabkan lagi dengan perjanjian "Sumpah Putera", penulis mengucapkan terima kasih kerana sering memberi dorongan dan merangsang penulis menyempurnakan tesis ini.

Terima kasih juga kepada penyair Tuan Haji Suhaimi Haji Muhammad yang pernah bekerja sepejabat dengan penulis dan puisi-puisinya dikaji dalam



kajian ini kerana turut membantu penulis, khususnya memberi kumpulan puisi awalnya kepada penulis. Rakaman terima kasih juga kepada Sdr. Adnan Abdul Majid, Tuan Haji A. Rahim Abdullah, Sdr. Zaen Kasturi, Sdr. Rahman Shaari, Sdr. Siti Aisah Murad, Sdr. Mohamad Daud Mohamad, dan teman-teman lain yang tidak dicatatkan nama mereka kerana secara langsung dan tidak langsung berbincang dengan penulis tentang teori semiotik dan puisi-puisi Suhaimi.

Kesabaran dan ketekunan Puan Husna bt. Muhd. Noor menaip tesis ini sehingga sempurna tidak akan mungkin penulis lupakan. Tanpa kesabaran, ketekunan, dan kerajinan serta tersirat sikap ingin menolong penulis, pastinya penaipan tesis ini tidak akan disempurnakannya. Penulis menyedari bahawa banyak perubahan yang dilakukan dalam proses penulisan tesis ini kerana sesuatu yang dianggap kukuh menjadi tidak kukuh pula pada pembacaan yang lain. Ini mendesak penulis mengubahnya untuk memantapkan tesis ini. Inilah antara karenah besar penulis yang terpaksa dihadapi oleh Puan Husna bt. Muhd. Noor. Oleh itu penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Husna bt. Muhd. Noor.

**MOHAMAD BIN SHAIDAN**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
April 2001



## KANDUNGAN

|                | <b>Halaman</b>  |
|----------------|---|
| DEDIKASI       | ii  |
| ABSTRAK        | iii   |
| ABSTRACT       | v   |
| PENGHARGAAN    | vii   |
| PENGESAHAN     | ix  |
| PENGAJUAN      | xi  |
| <br><b>BAB</b> |   |
| <b>I</b>       | <b>PENDAHULUAN</b> 1  |
|                | Pengenalan 1  |
|                | Pernyataan Masalah ..... 4  |
|                | Objektif Kajian ..... 5   |
|                | Kepentingan Kajian ..... 5  |
|                | Batasan dan Pemilihan Bahan Kajian ..... 6                                  |
| <br>           |   |
| <b>II</b>      | <b>LATARA BELAKANG SUHAIMI HAJI MUHAMMAD<br/>DAN KEPENYAIRANNYA</b> ..... 8 |
|                | Pengenalan ..... 8  |
|                | Latar Belakang dan Pendidikan ..... 9                                       |
|                | Aktiviti Keagamaan ..... 11   |
|                | Kerjaya dan Jawatan ..... 12  |
|                | Penglibatan dalam Kesusasteraan ..... 13                                    |
|                | Hadiah-Hadiah Puisi yang dimenangi ..... 14                                 |
|                | Anugerah ..... 15   |
|                | Aliran-Aliran Perpuisiannya ..... 16  |
|                | Isu-Isu dan Kontroversi ..... 19  |
|                | Pemikiran dan Tanggapannya Terhadap Puisi<br>dan Kritik Kawan ..... 22      |
|                | Pandangan Kritik Kawan Terhadap<br>Puisi-puisinya ..... 29                  |
| <br>           |   |
| <b>III</b>     | <b>SOROTAN LITERATURE</b> ..... 43  |
|                | Pengenalan ..... 43   |
|                | Perkembangan Semiotik di Barat ..... 43                                     |
|                | Perkembangan Semiotik di Malaysia ..... 44                                  |
|                | Kajian Lepas Puisi-puisi Suhaimi ..... 50                                   |



|           |  |           |
|-----------|--|-----------|
| <b>IV</b> | <b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>                 | <b>55</b> |
|           | Pendahuluan .....                              | 55        |
|           | Reka Bentuk Kajian .....                       | 55        |
|           | Pemilihan Bahan Kajian .....                   | 55        |
|           | Analisis Data .....                            | 55        |
|           | Pendekatan Kajian .....                        | 55        |
|           | Aplikasi Penggabungjalinan Teori .....         | 58        |
|           | Sejarah Semiotik dan Semiotik Peirce .....     | 59        |
|           | Tanda dan Denotatum .....                      | 67        |
|           | Simbol .....                                   | 67        |
|           | Indeks .....                                   | 69        |
|           | Ikon .....                                     | 77        |
| <br>      |  |           |
| <b>V</b>  | <b>PENJABARAN SEMIOTIK DALAM</b>               |           |
|           | <b>PUISI-PUISI SUHAIMI HAJI MUHAMMAD .....</b> | <b>79</b> |
|           | Pengenalan .....                               | 79        |
|           | Tanda Simbol .....                             | 79        |
|           | Simbol Bunga .....                             | 80        |
|           | Simbol Warna .....                             | 89        |
|           | Simbol Binatang .....                          | 96        |
|           | Simbol Manusia .....                           | 105       |
|           | Simbol Kapal .....                             | 112       |
|           | Simbol Lilin .....                             | 116       |
|           | Simbol Makhluk Halus dan Bota .....            | 118       |
|           | Simbol Bangunan .....                          | 121       |
|           | Simbol Kubah .....                             | 122       |
|           | Simbol Musim .....                             | 124       |
|           | Simbol Mutiara .....                           | 126       |
|           | Simbol Nanah .....                             | 127       |
|           | Simbol Tulang .....                            | 128       |
|           | Simbol Uban .....                              | 129       |
|           | Tanda Indeks .....                             | 130       |
|           | Indeks Kata Deiktik .....                      | 131       |
|           | Indeks Kematian .....                          | 138       |
|           | Indeks Penyakit .....                          | 145       |
|           | Indeks Gotong-Royong .....                     | 148       |
|           | Indeks Syurga dan Neraka .....                 | 150       |



|           |                              |            |
|-----------|------------------------------|------------|
|           | Tanda Ikon .....             | 152        |
|           | Ikon Tokoh .....             | 152        |
|           | Ikon Gambar .....            | 159        |
|           | Ikon Metafora .....          | 163        |
| <b>VI</b> | <b>KESIMPULAN .....</b>      | <b>170</b> |
|           | <b>BIBLIOGRAFI .....</b>     | <b>177</b> |
|           | <b>LAMPIRAN .....</b>        | <b>182</b> |
|           | <b>BIODATA PENULIS .....</b> | <b>183</b> |

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Pengenalan**

Tema, perasaan, nada, dan amanat merupakan unsur intrinsik sesebuah puisi yang dapat dikesan daripada bahasa yang menjadi medium pengucapan puisi. Bahasa puisi pula bersifat khas (Herman J. Waluyo, 1987: 66) dan kekhasan inilah menjadikan puisi yang baik merupakan bangunan bahasa yang menyeluruh dan autonomi hingga pembaca bergulat terus menerus untuk merebut makna puisi yang disajikan oleh penyair (A. Teeuw, 1983: 5). Kekhasan dan autonomi bahasa puisi seperti yang dikatakan oleh Herman J. Waluyo dan A. Teeuw itu menjadikan bahasa puisi pada umumnya tidak bersifat stabil. Oleh sebab itu, dalam puisi sering ditemui penyimpangan bahasa. Geoffrey Leech dalam Herman J. Waluyo (1987: 68-69) menggariskan sembilan jenis penyimpangan bahasa dalam puisi, yang dapat dilihat di peringkat leksikal, semantik, fonologi, morfologi, sintaksis, penggunaan dialek, penggunaan ragam bahasa oleh kelompok profesional di dalam masyarakat, penggunaan kata-kata arkaik, dan grafologi.

Sungguhpun terdapat sembilan jenis penyimpangan bahasa dalam puisi, akan tetapi sesebuah puisi tidak akan berlaku sembilan jenis penyimpangan bahasa. Sesebuah puisi hanya akan ditemui beberapa jenis penyimpangan bahasa sahaja.

Selain penyimpangan bahasa yang diklasifikasikan itu, puisi juga dapat dilihat dari sudut diksi, citra, bahasa figuratif, dan lambang-lambang. Unsur-unsur ini walau bagaimanapun tetap akan kelihatan bertindih dengan penyimpangan bahasa seperti yang dikatakan oleh Geoffrey Leech.

Memandang bahasa merupakan medium puisi yang penting, maka terdapat beberapa definisi puisi yang diberikan oleh pengkaji puisi tempatan berdasarkan bahasa. Za'aba (1965: 28) mendefinisikan puisi untuk melafazkan fikiran yang cantik dengan bahasa yang indah, dan melukiskan kemanisan dan kecantikan bahasa. Maka dengan gambaran yang cantik ini, perkara yang dikatakan itu bertambah menarik kepada hati orang yang mendengarnya. Anis Sabirin (1973: 2) mendefinisikan puisi sebagai cabang kesenian yang disebut sastera atau kesusasteraan yang bererti bahasa indah, berirama dan mempunyai bentuk tertentu. Muhammad Haji Salleh (1984: 30) mengatakan puisi sebagai bentuk penggunaan bahasa yang tersempurna sekali kerana sumber-sumbernya digunakan sepenuh-penuhnya. Penyair yang baik menurut Muhammad Haji Salleh lagi, biasanya meluaskan sempadan bahasanya dengan metafora barunya, dengan muzik merdunya dan juga wajah puisinya yang mungkin menolong kemungkinan semantik.

Dari Barat, ditemui definisi puisi yang berdasarkan bahasa, seperti Edwin Arlington Robinson (Safian Hussain *et al.* 1988: 263) yang mendefinisikan puisi sebagai bahasa yang menyampaikan sesuatu melalui reaksi emosi, sesuatu

yang sukar hendak dinyatakan, tidak kira sama ada puisi itu besar atau sebaliknya. Theodore Watts-Dunton (*ibid.*) mendefinisikan puisi sebagai pengucapan yang konkrit dan artistik tentang fikiran manusia melalui penggunaan bahasa yang emosional dan berirama. S.T. Coleridge (Muhammad Haji Salleh, 1984: 4) pula mendefinisikan puisi sebagai kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik.

Beberapa definisi puisi yang dikemukakan itu menunjukkan bahawa bahasa memainkan peranan yang penting sebagai medium pengucapan puisi untuk memberi perasaan dan makna pada puisi. Walau bagaimanapun, terdapat juga puisi-puisi yang sukar untuk difahami maknanya dan dihayati perasaannya kerana ciri-ciri bahasa yang dimiliki oleh puisi tersebut. Puisi-puisi A.S. Amin, M. Ghazali, dan Noor S.I., menjadi contoh puisi-puisi yang sukar difahami oleh Khalayak puisinya. Puisi-puisi mereka dikatakan kabur sehingga mereka bertiga terkenal dengan jolokan penyair kabur. Kekaburan maksud dalam puisi-puisi mereka terjadi kerana lambang-lambang yang mereka gunakan dalam puisi tidak dapat ditafsir dan difahami oleh pembaca.

Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad juga tidak terkecuali daripada menimbulkan masalah pemahaman di kalangan khalayak puisi. Kerana itu terdapat pandangan yang mengatakan bahawa puisi-puisi Suhaimi tidak komunikatif. Satu daripada sebab timbulnya anggapan yang sedemikian kerana



kebanyakan puisi Suhaimi dikayakan dengan lambang-lambang dan secara fizikal tidak begitu kukuh koherensinya.

Dari sisi yang lain pula, Suhaimi yang mula menyair pada dekad 1950-an telah memenangi beberapa hadiah sastera dalam genre puisi. Ini menunjukkan sejumlah puisi Suhaimi telah mencapai mutu puisi yang tinggi. Pemilihan Suhaimi sebagai pemenang S.E.A. Write Award pada tahun 1995 pula, menunjukkan pengakuan kerajaan Malaysia akan sumbangan dan mutu puisi-puisi Suhaimi dalam dunia perpuisian Melayu.

### **Pernyataan Masalah**

Suhaimi telah menghasilkan sejumlah kumpulan puisi dan dianggap oleh Ramli Isin sebagai reformis teknik perpuisian Melayu. Walau bagaimanapun, kebanyakan puisi Suhaimi pernah dikatakan sebagai tidak komunikatif kerana lambang-lambang yang digunakan oleh Suhaimi sukar difahami oleh khalayak puisinya. Kebanyakan puisi Suhaimi pula secara fizikalnya, kelihatan tidak membentuk koherensi untuk membantu khalayak puisinya mencari unsur-unsur intrinsik puisi-puisinya. Kedua-dua faktor inilah antaranya yang menyebabkan timbulnya pandangan bahawa puisi-puisi Suhaimi sebagai tidak komunikatif.

Memandang puisi-puisi Suhaimi menimbulkan kesulitan kepada khalayak puisi, maka puisi-puisi Suhaimi haruslah dilihat dan dikaji dari pendekatan yang sesuai. Satu pendekatan yang dikira sesuai untuk menyelesaikan masalah

pemahaman puisi-puisi Suhaimi ialah pendekatan semiotik. Pendekatan ini, apabila diterapkan dalam puisi, berfungsi untuk melihat bahasa yang memberi makna pada puisi kerana bahasa dalam kajian semiotik dilihat sebagai sistem tanda.

### **Objektif Kajian**

Terdapat tiga objektif penting dalam kajian ini, iaitu:

1. Untuk mengenal pasti unsur-unsur semiotik yang paling dominan dalam puisi-puisi Suhaimi.
2. Untuk meneliti dan mengkaji unsur semiotik yang paling berkesan dari sudut estetik dalam puisi-puisi Suhaimi.
3. Untuk membuktikan bahawa Suhaimi sebagai penyair turut memberi makna baru kepada unsur-unsur semiotik yang bertolak daripada makna yang lama.

### **Kepentingan Kajian**

Pentingnya puisi-puisi Suhaimi dikaji dengan menggunakan pendekatan semiotik ialah untuk:

1. Membuktikan bahawa penelitian dan pengkajian puisi-puisi Suhaimi dengan menggunakan pendekatan semiotik dapat membantu khalayak puisi memahami dan mengenal kekuatan dan keistimewaan puisi-puisinya.

2. Meletakkan kedudukan Suhaimi dan puisi-puisinya pada tempat yang lebih wajar dalam dunia puisi Melayu moden di Malaysia kerana Suhaimi dan puisi-puisinya dalam puisi Melayu Moden di Malaysia selama ini semacam terabai dalam arus perdana.

### **Batasan dan Pemilihan Bahan Kajian**

Bahan-bahan yang akan digunakan dalam kajian ini ialah 21 buah kumpulan puisi Suhaimi. Judul-judul kumpulan puisi beliau adalah seperti yang berikut

- i. *Jalan Ka Kotaku* (1959)
- ii. *Lain Jiwa Lain Wajah* (1960)
- iii. *Menyalak Langit* (1967)
- iv. *Bunga Di Atas Batu* (1970)
- v. *Bumi Hijau* (1971)
- vi. *Lelaki Lena Di Batu* (1973)
- vii. *Chorus Manusia Pengungsi* (1976)
- viii. *Lilin Seinci* (1980)
- ix. *Bulan Purnama* (1981)
- x. *Rontgen* (1981)
- xi. *Imej* (1982)
- xii. *Di Malam Gelita Ini* (1982)

- xiii. *Menganyam Bulan* (1983)
- xiv. *Siluet* (1984)
- xv. *Menterjemah Bintang* (1985)
- xvi. *Tulang* (1986)
- xvii. *Alam Anggur* (1988)
- xviii. *Nyanyian Undan* (1991)
- xix. *Wujud* (1997)
- xx. *Arca Impian* (1997)
- xxi. *Simfoni Perjalanan* (1999)

Kewajaran untuk mengkaji 21 buah kumpulan puisi Suhaimi ini ialah:

- i. Untuk melihat unsur-unsur semiotik dalam puisi-puisi awalnya hingga puisi-puisi mutakhirnya dalam abad ke-20.
- ii. Untuk melihat unsur-unsur semiotik yang paling banyak digunakan oleh Suhaimi.
- iii. Untuk melihat unsur-unsur semiotik yang kekal atau berubah dalam puisi-puisinya.
- iv. Untuk membuat satu rumusan yang adil dan saksama kerana bahan kajian bermula daripada karya awal hingga karya mutakhirnya.

## BAB II

### LATAR BELAKANG SUHAIMI HAJI MUHAMMAD DAN KEPENYAIRANNYA

#### Pengenalan

Awal dekad 1950-an dapat dianggap penting dalam alur sejarah kesusasteraan Melayu moden Malaysia. Pada awal dekad itu telah lahir sebuah pertubuhan sastera yang dinamakan Angkatan Sasterawan 50 atau singkatannya ASAS 50. Berslogankan “Seni untuk Masyarakat”, ASAS 50 yang ditubuhkan pada 6 Ogos 1950 di rumah Mas, di 24-H Henderson Road, Singapura 3 (1987: vii) telah menyuarakan semangat dan cita-cita kemerdekaan tanah air, permasalahan dan kehidupan kaum buruh, petani, dan nelayan yang tertindas (1990: 29). Usman Awang, Masuri SN, A. Samad Said, Noor S.I., Asraf, Rosmera, Salmi Manja, M. Ghazali, dan A.S.Amin (*ibid.*) ialah antara penyair-penyair ASAS 50 yang menyuarakan persoalan tersebut melalui akhbar dan majalah, terutamanya *Utusan Zaman*, *Kencana*, *Hiboran*, dan *Mastika*.

Di luar ASAS 50 pula, terdapat sejumlah penyair seperti Halim Anuar, Affrini Adham, Alias, Dahlia M.A., Dinegara Jaya, Asmara, Hafsah, Aishah Norida, Jamil, Jaya Sentosa, Khaidir Razali, M. Ismail, Rosmera, Ruhi Hayat, Shafie Abdullah, S.M. Ghazali Taib, Taha, Negara, Wanchu, Yahya Samah, Zulastry, Mokhtar Yassin, Suhaimi Haji Muhammad, dan Nahmar Jamil yang menulis puisi-puisi perjuangan, menyatakan simpatinya kepada golongan yang

tertindas dan peka kepada soal-soal kemasyarakatan dan kemanusiaan (*ibid.*: 43).

Daripada sejumlah penyair ASAS 50 dan di luar ASAS 50 itu, dapat dilihat bahawa mereka yang meneruskan kesinambungan berpuisi sehingga sekarang, semakin mengecil jumlahnya. Affrini Adham, A. Samad Said, Masuri S.N., Nahmar Jamil, dan Suhaimi ialah sejumlah penyair dalam lingkungan yang kecil itu. Dari sudut keprolifikannya pula, Masuri S.N. dan Suhaimi kelihatan lebih prolifik. Suhaimi, sehingga akhir dekad 1990-an telah menghasilkan sebanyak 24 buah kumpulan puisi. Dari beberapa aspek, puisi-puisi Suhaimi kelihatan menarik dan istimewa. Pemikiran dan sikap Suhaimi dalam dunia kesusasteraan, khususnya dalam perpuisian, juga kelihatan jelas dan kukuh. Pandangan ini akan menjadi lebih terserlah dengan menyusuri Suhaimi dari sudut penyair dan kepenyairannya.

### **Latar Belakang dan Pendidikan**

Suhaimi dilahirkan pada 8 Februari 1934, di Kampung Kota Lama Kiri, iaitu sebuah kampung yang terletak di tebing Sungai Perak, berhampiran bandar Kuala Kangsar, yang menjadi bandar Diraja Negeri Perak Darul Ridzuan. Ayahnya, Haji Muhammad bin Hassan ialah pesawah. Semasa muda, bapanya pernah bekerja di istana Sultan Abdul Aziz Shah. Ibunya pula, Hajah Darwiyah bt Ya'akub ialah suri rumah.